

07 SEP 2000

IAP-Kemajuan/I

MSC BERKEMBANG BAIK TETAPI PERLUKAN PERUBAHAN KECIL, KATA ANGGOTA IAP

CYBERJAYA, 7 Sept (Bernama) -- Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia berkembang baik dan kukuh tetapi perubahan kecil perlu dilakukan bagi menyesuaikan dengan industri itu yang pantas berubah serta persaingan hebat global, kata seorang anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) hari ini.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Silicon Graphics Inc, Bob Bishop berkata program teras MSC berjalan lancar tetapi usaha kini perlu ditumpukan ke arah menjadikannya lebih kukuh.

"Industri ini sedang berubah, ia berbeza dari masa lepas. Kini, ia membabitkan umpamanya persoalan mengenai komputer bergerak, Internet bergerak tanpa wayar," katanya ketika ditemui pada mesyuarat keempat IAP yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Bishop yang menghadiri semua mesyuarat IAP sebelum ini berkata peringkat pertama yang menumpukan kepada pembangunan infrastruktur sudah berjaya manakala bilangan syarikat yang menyertainya telah meningkat secara mendadak.

Tetapi fokus kini sepatutnya terhadap penghasilan kandungan yang mengambil kira kepentingan Asia yang mungkin menjadi platform utama eksport," katanya.

IAP yang membabitkan pemimpin dan pakar industri multimedia dibentuk bagi menasihatkan kerajaan Malaysia mengenai projek MSC, satu kawasan seluas 750 kilometer persegi yang terletak antara Kuala Lumpur City Centre dan Lapangan terbang Antarabangsa KL di Sepang yang dijadikan sebagai pusat bagi pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Bishop berkata persaingan global dan persaingan antara negara terutama di Asia sedang meningkat tetapi penduduk pelbagai bangsa dan agama di Malaysia merupakan satu kelebihan kepada negara ini.

"Anda ada kandungan Melayu, Cina dan India dan pengetahuan...ia sangat berguna untuk produk eksport. Tetapi Malaysia akan tetap disaingi hebat oleh Singapura, (dan) India yang kukuh dalam eksport perisian dan Taiwan yang sungguh berinovasi," katanya.

Bishop juga mengingatkan Malaysia supaya bersedia untuk berhadapan dengan penghijrahan cerdik pandai.

"Ia membabitkan persoalan melatih orang dan bagaimana untuk mengekalkan mereka kerana apabila anda melatih mereka, anda akan mudah kehilangan mereka. Dunia semakin kekurangan tenaga pekerja terlatih," katanya.

Satu cara untuk terus mengekal dan menarik pakar Teknologi Maklumat adalah dengan mengadakan projek yang mempunyai kelebihan selain mewujudkan suasana pekerjaan dan kehidupan yang sesuai kepada golongan ini.

"California adalah pusat utama IT yang menarik pakar terbaik IT dari seluruh dunia. Singapura mempunyai program aktif untuk menarik bakat global...mereka ini bersikap individualistik dan kreatif dan mereka mahukan kebebasan dan fleksibiliti," katanya.

Bishop juga berkata MSC perlu membuat beberapa pilihan teknologi kerana terdapat terlalu banyak teknologi berbeza hari ini dan jika tersalah pilih mungkin menjurus kepada kegagalan.

Katanya pembukaan E-Perkampungan esok merupakan langkah baik dalam menarik penerbit kandungan.

"Hollywood bukanlah sumber yang baik untuk Asia," kata Bishop.

Katanya syarikat beliau sedang bekerja rapat dengan Universiti Multimedia (MMU) untuk melatih penuntut dalam penghasilan kandungan dan mereka yang lulus boleh diserap oleh perbadanan besar yang beroperasi di sini.

Sebuah syarikat India yang dikenali sebagai Pentamedia telah mendaftar

untuk menjadi peserta dalam E-Perkampungan. Mereka sangat aktif dalam menghasilkan kandungan digital di India dan mereka merancang untuk menyerap penuntut daripada MMU.

Bishop berkata syarikat terkemuka Mesir dengan kandungan berunsur Islam juga juga akan mengambil peluang sumber-sumber di sini untuk menggunakan kemahiran ciptaan mereka dan mengubahnya ke dalam abad multimedia ke-21 dan memasukkan kepentingan Asia dalamnya.

-- BERNAMA

AR LAT MAI